



PENGENALAN

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam atau AKRAB merupakan nama khusus bagi pegawai yang dilantik sebagai pembimbing rakan sekerja sepertimana yang dikehendaki dalam PP18/2005.

AKRAB membawa maksud **A**manah, **K**omitmen, **R**asional, **A**khlaq dan **B**estari yang merupakan ciri-ciri penting perlu ada pada seorang rakan pembimbing. AKRAB juga merupakan penjenamaan semula versi rakan pembimbing, pembimbing rakan sebaya, pegawai khidmat nasihat, pegawai khidmat kaunseling dan pelbagai nama yang merujuk kepada peranan sebagai rakan pembimbing di agensi. AKRAB berkonsepkan rakan membantu rakan dengan memupuk semangat berpasukan, keakraban dan membina potensi masing-masing. Ianya juga merupakan kelompok yang menekankan hubungan humanistic.

Program AKRAB di Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah dilancarkan pada **19 April 2013**.